



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang profesional, dinamik, kreatif dan bermotivasi untuk menyertai kami.

TARIKH IKLAN : 13 September 2011

JAWATAN

- A1 - Penolong Pegawai Eksekutif (Pentadbiran) Gred 31 (1 Kekosongan)**
- A2 - Penolong Pegawai Eksekutif (Perundangan) Gred 31 (1 Kekosongan)**
- A3 - Penolong Pegawai Eksekutif (Kejuruteraan) Gred 31 (2 Kekosongan)**
- B1 - Pembantu Tadbir (Perakaunan) Gred 21 (6 Kekosongan)**
- B2 - Pembantu Tadbir (Khidmat Pelanggan) Gred 21 (18 Kekosongan)**
- C1- Penjaga Jentera Elektrik Gred 11 (5 Kekosongan)**
- D1 - Pembantu Am (Perkhidmatan Am) Gred 1 (17 Kekosongan)**
- D2 - Pembantu Am (Penghantar Notis) Gred 1 (3 Kekosongan)**
- D3 - Pembantu Am (Pemandu Kenderaan) Gred 1 (1 Kekosongan)**

KELAYAKAN

A1

Memiliki Diploma Pentadbiran Awam dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

ATAU

Diploma bidang pengurusan harta benda dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

DAN

Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

DAN

Memiliki Purata Nilai Gred Berkumpulan (CGPA) sekurang-kurangnya 2.70 dan ke atas bagi diploma yang berkenaan.

Bagi pegawai **Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia** (LHDNM) yang tidak memiliki Purata Nilai Gred Berkumpulan (CGPA) 2.70, pegawai hanya layak memohon sekiranya telah berkhidmat 5 tahun dan ke atas.

A2

Memiliki Diploma Pentadbiran Awam dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

ATAU

Diploma dalam bidang Undang-undang dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

DAN

Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

DAN

Memiliki Purata Nilai Gred Berkumpulan (CGPA) sekurang-kurangnya 2.70 dan ke atas bagi diploma yang berkenaan. Bagi pegawai **Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia** (LHDNM) yang tidak memiliki Purata Nilai Gred Berkumpulan (CGPA) 2.70, pegawai hanya layak memohon sekiranya telah berkhidmat 5 tahun dan ke atas.

A3

Memiliki Diploma Kejuruteraan Awam atau Kejuruteraan Mekanikal dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

DAN

Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

DAN

Memiliki Purata Nilai Gred Berkumpulan (CGPA) sekurang-kurangnya 2.70 dan ke atas bagi diploma yang berkenaan. Bagi pegawai **Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia** (LHDNM) yang tidak memiliki Purata Nilai Gred Berkumpulan (CGPA) 2.70, pegawai hanya layak memohon sekiranya telah berkhidmat 5 tahun dan ke atas.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang profesional, dinamik, kreatif dan bermotivasi untuk menyertai kami.

B1

Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut ;

ATAU

Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat pertengahan (Simpan Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

ATAU

Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

ATAU

Sijil dalam bidang pengurusan perniagaan atau sijil penyimpan kira-kira dari politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

DAN

Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

B2

Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan dalam Bahasa Inggeris dan mengendalikan komputer)

DAN

Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

C1

Pemohon mestilah tamat Tingkatan III Sekolah Menengah Rendah Bantuan Penuh Kerajaan;

Sekurang-kurangnya memiliki Sijil Kekompetenan Kategori AO (Sistem Voltan Rendah) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

DAN

Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

D1

Memiliki Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

D2

Memiliki Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

DAN

Mempunyai lesen menunggang motorsikal yang sah.

D3

Memiliki Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

DAN

Memiliki lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I mana berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)];

DAN

Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan bermotor berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

*** Semua pemohon mestilah Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan.**



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang profesional, dinamik, kreatif dan bermotivasi untuk menyertai kami.

**** Bagi pegawai LHDNM yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir atau Pembantu Am yang mana berkenaan adalah layak dipertimbangkan oleh LHDNM untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke Skim Penolong Pegawai Eksekutif atau Pembantu Tadbir tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-**

- a) mempunyai kelayakan akademik seperti di atas; atau
- b) lulus peperiksaan khas yang ditetapkan (bagi bidang yang mana berkenaan);
- c) berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan.

BIDANG TUGAS

A1

Menguruskan hal-hal perkhidmatan meliputi urusan pengambilan, pertukaran, pengesahan jawatan, tanggung kerja, tamat perkhidmatan dan lain-lain urusan yang berkaitan.

Menguruskan perolehan pembelian secara rundingan terus, pertambahan kerja / peningkatan kos, pembelian kontrak pusat.

Mengendalikan urusan gaji, elaun dan kemudahan-kemudahan lain pegawai.

Mengurus dan melaksanakan majlis rasmi LHDNM.

A2

Mengendalikan kes Rayuan Cukai dan Semakan Kehakiman di Mahkamah dan di hadapan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan.

Menyediakan perjanjian-perjanjian dan draf Perintah Pengecualian di bawah undang-undang percukaian.

Menyediakan dokumen-dokumen yang akan difailkan di mahkamah.

Memberi dan menyediakan pendapat undang-undang secara lisan dan bertulis mengenai undang-undang.

A3

Membuat lawatan pemeriksaan ke tapak untuk kerja pengubahsuaian, penyelenggaraan dan pembaikan bagi tujuan penyediaan spesifikasi, sebut harga dan anggaran harga.

Menyediakan spesifikasi, sebut harga dan anggaran harga untuk kerja-kerja mekanikal.

Menyemak sebutharga dan harga kerja-kerja pengubahsuaian, penyelenggaraan dan pembaikan LHDNM.

Menyelia dan memantau kerja pengubahsuaian, penyelenggaraan dan pembaikan LHDNM.

B1

Membantu menyediakan laporan pendapatan dan laporan prestasi perbelanjaan.

Menyemak Borang Perubahan Gaji bulanan dan memproses cetakan penyata dan lembaran gaji mengikut cawangan.

Menyemak, memproses dan menyediakan surat-surat yang berkaitan dengan semua permohonan pinjaman kenderaan dan komputer.

Membantu menyediakan waran peruntukan untuk semua Pusat Tanggungjawab.

B2

Bertanggungjawab untuk mengendalikan dengan cekap dan berkualiti semua panggilan telefon daripada luar yang berurusan dengan LHDNM.

Bertanggungjawab untuk mengendalikan dengan cekap dan berkualiti semua panggilan telefon daripada dalam dan menyambungkan panggilan kepada Agensi/pegawai yang diperlukan.

Bertanggungjawab untuk melayani pelanggan/tetamu yang berurusan dengan LHDNM serta memberikan penerangan kepada pelanggan/tetamu yang ingin mendapatkan penjelasan mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh LHDNM.

Membantu pelanggan/tetamu untuk berurusan dengan pegawai yang berkaitan mengenai isu berbangkit (sama ada mengenai aduan atau maklum balas yang diperlukan).

C1

Membaiki sebarang kerosakan elektrik.

Memulihkan perkakas suis voltan rendah serta membuat ujian elektrik pada setiap masa.

Menyelenggara dan memeriksa semua pendawaian, suis, 'starter panel and control panel' serta motor elektrik dan lain-lain yang berkenaan.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang profesional, dinamik, kreatif dan bermotivasi untuk menyertai kami.

D1

Bertugas untuk mengedar surat-surat atau fail-fail kepada pegawai-pegawai.

Membuat tugas fotostat, menyusun, menjilid dokumen-dokumen, mengangkat dan menyusun barang-barang/alat-alat bekalan daripada stor.

Mengemas dan menyusun atur bilik mesyuarat/bilik gerakan sebelum dan selepas mesyuarat serta menjalankan tugas-tugas berkaitan.

Menjalankan tugas untuk melaksanakan kerja-kerja selenggaraan, pembetulan/pembaikan yang kecil dan mudah.

Melaksanakan tugas-tugas lain yang berkaitan dan mematuhi arahan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.

D2

Menerima, menyerah dan menyempurnakan notis/petisyen kebangkrapan, *winding-up*, *writ of summon*, saman sivil/jenayah, notis tuntutan/permohonan yang telah didaftarkan oleh mahkamah untuk diserahkan kepada yang kena tuntutan/yang kena tuduh (pembayar cukai).

Menyediakan dan mengangkat sumpah di hadapan Pesuruhjaya Sumpah bagi affidavit penyerahan/tanpa serah untuk saman/dokumen yang diserahkan/tidak dapat diserahkan dan menfaikkan ke mahkamah berkenaan.

Mendaftarkan saman-saman jenayah/dokumen ke mahkamah dan mengambil dokumen yang telah didaftarkan untuk tindakan pegawai unit sivil/jenayah.

D3

Membawa pegawai-pegawai kanan ke tempat rasmi tepat pada masa.

Memandu dan memastikan kenderaan pejabat sentiasa berada di dalam keadaan baik, bersih dan selamat digunakan.

KRITERIA YANG DIPERLUKAN

- ✓ Berdaya saing, asertif, pemikiran kritis, dinamik serta matang.
- ✓ Bertanggungjawab, proaktif, daya inisiatif yang tinggi dan kemahiran interpersonal yang baik.
- ✓ Kebolehan bekerja secara berkumpulan, kemahiran komunikasi yang baik dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Berkemahiran dalam bahasa etnik seperti Mandarin, Tamil dan bahasa lain adalah satu kelebihan.
- ✓ Aktif dalam kegiatan luar terutama dalam bidang sukan, seni mempertahankan diri dan pasukan beruniform.

GAJI

Skim Gaji Jawatan :

A1 – A3

RM1998.00 – RM4950.00

B1 – B2

RM1370.00 – RM3417.00

C1

RM1715.00 – RM3207.00

D1 – D3

RM1123.00 – RM2592.00

FAEDAH

LHDNM menawarkan faedah yang menarik kepada kakitangannya seperti kemudahan cuti rehat, rawatan perubatan dan pergigian, pinjaman perumahan, pinjaman kenderaan, pinjaman komputer, peluang membina kerjaya, kursus-kursus untuk kemajuan diri dan kemudahan sukan dan rekreasi.

CARA MEMOHON

Permohonan dari **calon-calon luar LHDNM** (termasuk yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan) hendaklah dibuat melalui Laman Web JobsMalaysia (Kementerian Sumber Manusia) di <http://www.jobsmalaysia.gov.my> .

Permohonan dari **calon-calon pegawai LHDNM yang masih berkhidmat** (bertaraf Tetap, Kontrak dan Sambilan) hendaklah dibuat melalui sistem yang boleh dicapai melalui URL <http://kerjaya.hasil.gov.my/eKerjaya> .

Semua permohonan tidak perlu dicetak/di pos ke LHDNM.

Nama calon-calon yang berjaya dipanggil menghadiri temu duga akan dipamerkan di Laman Web LHDNM dan akan dimaklumkan melalui surat. Pemohon juga digalakkan sentiasa menyemak melalui Laman Web LHDNM untuk mengetahui maklumat berkenaan.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

26 September 2011